



BAHAYA. Kanak-kanak mengambil kesempatan bermain air di Kampung Keseng, Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu, Kelantan semalam.



TIGA mangsa banjir meredah air untuk berpindah di Kampung Buluh Hulu, Permaisuri, Setiu semalam.



TERPERANGKAP. Beginilah keadaan kawasan bebas cukai di Rantau Panjang, Kelantan yang dilanda banjir semalam.

Ramai penduduk tidak sempat pindah barang, Rantau Panjang lumpuh lagi

Tak sangka banjir awal tahun

KUALA TERENGGANU – Banjir yang berlaku kali ini tidak dijangka kerana kebiasaannya ia melanda pada hujung tahun dan bukan awal tahun seperti sekarang.

Akibatnya, ramai mangsa tidak sempat menyelamatkan harta benda.

Salah seorang mangsa, Norihan Alias, 28, berkata, dia baru sahaja meletakkan semula barang-barang yang diangkut semasa banjir tahun lalu dan kini banjir datang lagi.



Banjir

“Sekarang pun sudah hampir Mac dan ikut kebiasaan tidak akan berlaku banjir tetapi rupanya-rupanya kami silap,” katanya yang tinggal di Kampung Buluh Hulu, Permaisuri, Setiu semalam.

Jelasnya, air naik secara mendadak dalam tempoh kira-kira sejam awal pagi kelmarin menyebabkan ibu tunggal itu hanya sempat menyelamatkan beberapa barang berharga bersama tiga anaknya yang berusia lapan hingga empat tahun.

Sementara itu, Portal Banjir Majlis Keselamatan Negara memaklumkan, sehingga pukul 3.30 petang semalam, mangsa banjir di Terengganu meningkat 3,703 orang dan ditempatkan di 52 pusat pemindahan di empat daerah.

Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Terengganu, Hashim Mohd. Zain ketika dihubungi pula memberitahu, jumlah sekolah yang terpaksa ditutup meningkat kepada 27 buah berbanding sembilan buah sekolah kelmarin.

Sementara itu, di **Kota Bharu** dan **Rantau Pan-**

jang, Kelantan, fenomena hujan lebat luar biasa sejak tiga hari lalu merupakan punca negeri itu dilanda banjir gelombang ketiga.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Kelantan, Mat Rahim Ismail memberitahu, stesen menyukat jumlah hujan di beberapa kawasan terutama di hulu Kelantan mencatat bacaan yang tinggi.

“Jumlah hujan yang tinggi menyebabkan berlaku banjir. Stesen kita merekodkan jumlah hujan sebanyak 200 milimeter (mm) di Dabong dan 390 mm di Kusial.

Tambahnya, Sungai Golok di Rantau Panjang mencatat bacaan paras air yang meningkat secara mendadak apabila dengan 0.1 meter dalam masa satu jam bermula Ahad lalu dan mula melimpah ke kawasan pekan sejak awal pagi semalam.

Tinjauan di Rantau Panjang pula mendapati banjir kali ini sekali lagi menyaksikan Pekan Rantau Panjang hampir lumpuh apabila hampir kesemua kedai terpaksa ditutup ekoran limpahan air Sungai Golok.

Kosmo! mendapati, peniaga-peniaga di Rantau Pan-

jang juga terpaksa menutup perniagaan masing-masing.

Lebih teruk lagi, rata-rata penduduk tidak membuat persiapan untuk menghadapi banjir.

Namun, seperti biasa, walaupun hampir 90 peratus aktiviti daerah itu lumpuh, kegembiraan penduduk menyambut ‘kehadiran’ bencana itu tetap meriah dengan berpesta dan bermain air.

Orang ramai mengerumuni kawasan-kawasan yang ditenggelami banjir untuk bermain air menjadikan kawasan bencana alam itu seakan-akan karnival.